

ADAT BERKODIN LUAK ULU MUAR

37534

MUKADIMAH

Khalid Bonget. Adat berkorban dalam Luak Ulu Muar, Negeri Sembilan. Seremban: Pejabat Kebudayaan dan Keseniaan (2000)

Alhamdulillah syukur kehadiran Allah SWT. serta dipanjatkan selawat dan salam kepada Nabi Muhammad SAW dengan hidayah dan inayahnya saya telah mengusahakan segala kemampuan dan ilmu pengetahuan tentang "Adat Berkodin" di Luak Ulu Muar, supaya dapat kita menfaatkan "sudah terang lagi bersuluh". Adalah diharapkan rencana ini akan memberi gambaran sebenar dan jelas pengertian 'Berkodin' yang sinonim dengan 'masuk suku'.

Aturan adat merupakan kerangka acuan bagi perilaku yang nomatif dan memberi pedoman bagi setiap individu untuk hidup bermasyarakat selayak dan sebaik mungkin.

*Adat nan tak lejang dek panas
Tak lapuk dek hujan
Tak lemak dek santan
Tak kuning dek kunyit*

*Kain dipakai usang
Adat dipakai baru
Lapuk-lapuk dikajangi
Usang-usang dibaharui*

*Sekali air bah
Sekali pasir berubah
Sekali raja mangkat
Sekali cara bertukar
Nan adat bak itu jua*

Dengan rendah hati saya mohon maaf terutama kepada para ahli adat sekiranya buku ini jauh dari sempurna, kerana :

*Tiada gading yang tak retak
Dek retak jua tuah di sekata*

Keduanya, Adat menggariskan :

*Adat datar
Pesaka Satu
Sungguh pun datar
Berumpun-rumpun bak serai
Berlopak-lopak bak sawah
Beruang-ruang bak durian
Berpuak-puak bak kerbau
Beruntuk seorang satu
Berharta masing-masing
Hak orang jangan diambil
Hak kita jangan diagih*

Sebab ketiga adat berkata :

*Lain lubuk, lain ikannya
Lain padang, lain belalangnya
Lain guru lain doanya
Lain dukun lain jampinya serapahnya*

ERTI BERKODIN

Kodin bermakna saudara. Jadi berkodin bererti bersaudara. Bersaudara dalam erti kata satu jalinan kekeluargaan atau ikatan yang berkelindan rapat dan erat berasaskan Adat yang diuca (*ucap*) dipakai sejak dahulukala hingga kini dan akan datang.

SIMBOLIK

Perlakuan dalam '*Adat Berkodin*' adalah lebih kepada kiasan dan simbolik. Ia memaparkan tata-atur, susun-lapis perjalinan tali kekeluargaan dengan ibu dan saudara yang menerima pengkodinan itu.

Namun begitu keluarga sedarah sedaging adalah lebih unggul. Selagi ada teras yang memangun :

*Getah daun
Getah batang
Getah batang
Ke perdu jua*

MENGAPA DIADAKAN ADAT BERKODIN

Orang tidak berkodin kalau tidak, dengan sebab dan kerana. Ia bukan dibuat sesuka hati. Sebab pertama ialah kerana dia seorang dagang. Dia berasa dirinya berseorangan dan sunyi. Dia berada jauh dari kampung halaman dan sanak- saudara . Adat Perpatih menyatakan :

*Kok perahu bertambatan
Kok gelas (beban) bersandaran
Kok dagang bertepatan*

Disamping dia belajar menimba ilmu dunia dan akhirat serta adat resam masyarakat setempat dia juga harus mencari “Induk Semang” atau “Emak Angkat” kepada emak angkatlah dia menabur budi dan menumpang kasih. Adat juga menunjuk :

*Kok jauh mencari suku
Dekat mencari sekodin
Haus mencari air
Litak (lapar) memberi nasi*

Adat Perpatih juga mendorong anak-anak muda keluar merantau serangkap pantun berbunyi :

*Keratan medang di hulu
Berbunga berbuah belum
Merantau bujang dahulu
Di kampung berguna belum*

SEBAB KE DUA

Memang sudah menjadi lumrah alam setiap pasangan suami isteri, siang menjadi impian dan malam menjadi igauan untuk mendapat dan menimang cahaya mata dalam perkongsian hidup. Kehadiran seorang anak itulah yang menambat kasih sayang pasangan suami isteri dalam sebuah rumahtangga. Adat berkata :

*Dalam semenda menyemenda (nikah kahwin)
Kok menghubungkan nak panjang
Kok menyibar nak lebar
Itulah yang baik dan ideal.
Jangan jadi rambutan jantan,
Orang berbunga ia berbunga
Orang berbuah ia tidak*

Ada pasangan suami isteri hanya anak lelaki. Tidak ada anak perempuan. Dalam Adat Perpatih anak perempuan adalah satu asset dalam satu keluarga. Masyarakat adat mengutamakan anak perempuan. Seorang anak perempuan adalah pewaris harta pusaka Adat. Jika tiada anak perempuan harta pusaka adat akan berpindah milik kepada ahli keluarga sebelah ibu atau waris suku berkenaan. Perbilangan menggariskan :

*Habis yang setampuk
Pergi ke sejari
Habis nan sejari
Pergi ke nan sepelempap
Habis nan sepelempap
Pergi ke sejengkal
Putus tali putus kelindan
Pergi kepada suku nan berjurai*

Kesimpulannya keluarga yang seperti inilah yang mengambil anak angkat dan dikodinkan. Anak angkat itu tidak kira bangsa Melayu atau bangsa asing. Biasanya anak Cina.

Jika anak angkat itu daripada waris iaitu yang ada sukunya maka dia dikeluarkan daripada suku asalnya. Aturan dapat menyatakan dia tidak boleh seperti gergaji membelah, sorong makan, tarik pun makan. Ini pantang bagi adat. Dia mesti bersikap :

*Selepas yang pergi
Seletak yang tinggal*

Maknanya dia tidak boleh lagi mendapat haknya diatas pusaka emaknya. Haknya lupus. Dia hanya dapat pusaka emak yang mengambilnya berkodin. Ia selaras dengan kehendak atau tuntutan Adat itu sendiri.

*Orang disuruh diberi belanja
Orang ditambat diberi makan
Orang ditarik diberi harta*

JENIS-JENIS BERKODIN

Adat Berkodin ada dua jenis atau cara. Ada sekadar 'masuk suku' dan ada yang Berkodin Adat Pusaka, melibatkan Dato' Lembaga dan Penghulu Luak.

PERTAMA : BERKODIN PINANG SEBATANG

Berkodin Pinang Sebatang juga disebut dalam adat "*Berkodin Selayar Atap dan Sebilah Lantai*". Berkodin jenis ini seperti yang telah saya katakan di atas, ianya '*masuk suku*'. Dia menumpang bersaudara dalam suku berkenaan. Adat dan istiadatnya hanya diselesaikan oleh Buapak Adat. Dia dikenakan seekor kambing untuk kenduri majlis berkodin. Dia juga mengisi duit adat Buapak, Besar Waris dan Ibu Soko. Adat Buapak RM 14.00. Besar Waris RM 14.00 dan Ibu Soko RM 10.00. Tidak ada "*unjuk beri*" waris kepadanya.

KEDUA : BERKODIN AUR SERUMPUN

"*Berkodin Aur Serumpun*" juga disebut dalam Adat "*Berkodin Adat dan Pusaka*" Ia melibatkan banyak pihak. Adat dan istiadatnya juga kompleks (*rumit*). Waris hendaklah bulat (*sepakat*) menerima pengkodinan tersebut. Seia dan sekata waris.

Kok bulat boleh digolekkan
Kok pipih boleh dilayangkan
Licin berlantai kulit
Kesat berlantai papan.

Berkodin jenis ini hanya kepada anak perempuan sahaja. Ini seperti yang telah diperjelaskan - kerana hendak mewarisi Pusaka Adat atau Harta Pusaka Adat dan Gelaran Pusaka Adat. Adat berkata :

Kok terbang nan menumpu
Kok hingap nan mencengkam
Orang ditarik (ambil) diberi harta
Waris jangan ditinggalkan
Pantang lucut kayu berkupas
Orang diberi boleh sahaja
Orang menebus pandangnya luas.

Perkara-perkara yang dituntut oleh Adat dalam "*Adat Berkodin*" Aur Serumpun ini adalah seperti berikut :

1. Kerbau jantan satu ekor
2. Beras 50 gantang
3. Kelapa 100 biji (50 tali)

PENUTUP

Dari huraian dan penerangan di atas nyatalah bahawa sistem masyarakat Adat Perpatih adalah satu sistem yang dinamik. Adat Perpatih jika di kaji secara ilmiah di zaman keagungannya atau keemasannya adalah satu sistem masyarakat yang mendahului zamanya. Ia membina sebuah tamadun tersendiri.

Sebagai satu tamadun Adat Perpatih dapat bertahan dan dapat menyesuaikan diri dalam apa keadaan, ruang masa dan tempat. Adalah menjadi impian dan harapan saya semoga Kerajaan Negeri Sembilan memberi ruang dan peluang semoga Adat Perpatih dimartabatkan kembali. Inilah apa yang disebut dalam adat :

Tiga tali sepintal atau sepilin

Tiga tungku sejerangan

Ertinya :

Gulungan ulamak, pentadbiran dan adat bersama-sama bergabung menyumbang tenaga dan bakti demi keelokkan dan kemajuan negeri tercinta.

Akhir kata saya mohon maaf tulisan saya ini jauh dari sempurna. Akan tetapi bagi menguatkan semangat :

Belum cuba belum tahu

Sekurang-kurang alim habis sekitab

Sekurang-kurang dukun dapat sehembus.

Oleh :

DATO' SERI MAHARAJA

DATO' KHALID BIN BONGET PK. PJK..

TIANG BALAI

PENGHULU LUAK ULU MUAR

TANGGAL : 9 NOVEMBER 1999-11-10

NO. 24, TAMAN ANGGERIK

72200 BATU KIKIR

NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS.